

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BI. 1 TAHUN 1970¹

DASAR LATEHAN

I. Tujuan

Tujuan di-adakan Pekeliling ini ia-lah untuk menerangkan Dasar Latehan Kerajaan berhubung dengan pembahagian tugas dan penetapan tanggung-jawab dalam lapangan latehan Perkhidmatan 'Awam. Sunggoh pun latehan sa-bagai usaha untuk memajukan kebolehan, kecekapan dan keupayaan kakitangan Perkhidmatan 'Awam, ada-lah tanggung-jawab utama pentadbiran, tetapi hal ini hendak-lah di-rasai bersama oleh semua pihak dan hendak-lah di-laksanakan di-semua peringkat badan Kerajaan.

2. Kuatkuasa Dasar Latehan Kerajaan ini akan bermula pada 1hb Januari, 1970. Mulaï daripada tarikh itu semua peratoran² sa-belum-nya yang berchanggih dengan Dasar Latehan Kerajaan ini ada-lah di-anggap batal.

3. Majlis Gerakan Negara pada meshuarat-nya pada 22hb Disember, 1969, telah meluluskan sa-penoh-nya Dasar Latehan Kerajaan ini, dan Dasar Latehan Kerajaan ini ada-lah juga meliputi Malaysia Timor.

II. Pembahagian Tanggong-jawab

4. Pembahagian tanggung-jawab latehan ini ada-lah terbahagi kepada :

- (i) Tanggong-jawab Kuasa Pemerintah;
- (ii) Tanggong-jawab Jabatan Perkhidmatan 'Awam; dan
- (iii) Tanggong-jawab Kementerian/Jabatan.

III. Dasar Latehan Kerajaan

5. Dasar Latehan Kerajaan ada-lah saperti berikut :

- (i) Untuk menchapai kecekapan dan menggalakkan ekonomi dalam urusan Kerajaan serta di-adakan keadaan sehat bagi mewujudkan kebolehan yang tinggi dalam menjalankan tugas rasmi, menuboh dan mengekalkan tugas berdarjat tinggi di-lapangan perkhidmatan 'awam, memula

dan mengamalkan dengan berkesan amalan-modern dan teknik² yang terbaharu yang telah di-uji, ada-lah mustahak dan perlu demi kebaikan perkhidmatan 'awam supaya rancangan anjoran Kerajaan di-tubuhkan untuk menampung semua perengkat pegawai Kerajaan dengan tujuan menchapai kemajuan keahlian, pengetahuan dan kebolehan. bagi menjamin pelaksanaan tugas² rasmi pegawai² Kerajaan yang lebeh sempurna dan terator. Perkara ini perlu di-pesatkan serta di-lanjutkan dengan di-hebatkan menerusi belajar bersendirian, menjaya diri sendiri dan melateh diri sendiri.

- (ii) Rancangan² ini mesti-lah bersambongan. Ia hendak-lah terta'alok kepada penyeliaan, penelitian, pengawasan dan pengawalan Perdana Menteri. Ia hendak-lah di-tujukan untuk mengisi keperluan negara di-setiap masa.
- (iii) Sa-suatu rancangan itu hendak-lah di-bentok untuk :
 - (a) menchapai Perkhidmatan 'Awam yang progresif;
 - (b) menchapai kecekapan dan ekonomi yang paling berkesan;
 - (c) mewujudkan kemajuan dan perkembangan kumpulan pentadbir dan fakar yang berkebolehan, chekap dan saling maju, sentiasa selaras dengan kemajuan saintifik, ikhtisas, teknik dan pengurusan di-dalam dan di-luar Perkhidmatan 'Awam;
 - (d) mengurangkan pertukaran dan kesurutan kakitangan Perkhidmatan 'Awam;
 - (e) menchapai pentadbiran latehan yang sama bagi keseluruhan dalam Perkhidmatan 'Awam sesuai dengan dasar Kerajaan;
 - (f) untuk memberi peluang latehan yang 'adil dan saksama bagi semua kakitangan Perkhidmatan 'Awam.

Tanggung-jawab Latehan

(i) Tanggong-jawab Kuasa Memerentah (Executive)

Perdana Menteri sa-bagai ketua kuasa memerentah bertanggung-jawab penoh atas pengawasan, penelitian dan pengarah bagi keseluruhan latehan pegawai² Pentadbiran 'Awam dan Badan² Berkanun.

(ii) Tanggong-jawab Jabatan Perkhidmatan 'Awam

Ketua Pengarah Perkhidmatan 'Awam bertanggung-jawab kepada Perdana Menteri untuk :

- (a) mengarah, memaju, melaras dan mengawal usaha² dan kemudahan² latehan di-dalam Perkhidmatan 'Awam dan Badan² Berkanun;

- (b) mengubal peratoran² latehan;
- (c) menasehat dan membantu Kementerian², Jabatan² dan Badan² Berkanun mengkaji keperluan² latehan, meneliti perjawatan, melaksanakan gerakan latehan dan membuat rancangan latehan mereka;
- (d) mengumpul dan menyebarkan penerangan mengenai latehan;
- (e) mengkaji dan melapor usaha² latehan sesuai dengan dasar Kerajaan;
- (f) menyedia dan mengeluarkan peratoran² mengenai penerimaan tawaran latehan dari negara² luar, badan² antarabangsa dan lain² kuasa.

(iii) *Tanggung-jawab Kementerian/Jabatan*

Setia-usaha Tetap, Setia-usaha, Y.B. Setia-usaha² Kerajaan Negeri, Ketua Jabatan dan Badan Berkanun, terta'alok kepada kawalan penuh Menteri yang berkenaan, bertanggung-jawab kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan 'Awam untok :

- (a) menentukan keperluan latehan Kementerian, Jabatan atau Badan Berkanun masing² dengan menyedia dan mengemukakan rancangan latehan kakitangan jabatan masing² dari sa-masa ka-samasa mengikut arahan Ketua Pengarah;
- (b) mengada dan menjalankan rancangan² untok memenuhi urusan latehan;
- (c) memilih dan mengarahkan pegawai² untok menjalankan urusan latehan;
- (d) menilai hasil dan kesan² latehan;
- (e) mengadakan pentadbiran dan pengawalan latehan yang sesuai;
- (f) melaporkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan 'Awam mengenai segala usaha² latehan;
- (g) memaju, menggalakkan belajar bersendirian, kemajuan diri sendiri kakitangan² di-Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun mereka; dan
- (h) menyesuaikan rancangan latehan dengan rancangan keseluruhan kemajuan kerjaya Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun.

IV. Lain² Hal

6. Ada-lah di-harapkan dengan ada-nya dasar latehan Kerajaan yang lanjut dan lengkap ini matlamat rancangan latehan Kerajaan akan di-sempurnakan dengan lancar dan teratur dan dalam sa-singkat masa.

7. Dasar Latehan Kerajaan ini hendaklah di-bacha bersama² dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1969 berhubung dengan Peratoran² Memohon Biasiswa/Hadiah Latehan/Fellowship dan juga Laporan Kemajuan Pentadbiran Malaysia Barat yang telah di-luluskan, pada dasar-nya, oleh Kerajaan.

TAN SRI SYED ZAHIRUDDIN BIN SYED HASSAN,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan 'Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN 'AWAM, MALAYSIA,
RUMAH PERSEKUTUAN,
KUALA LUMPUR

13hb Januari, 1970.

CATATAN:

¹ Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 tahun 1984 mulai 4hb Jan. 1984.